



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16.08.22	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	TNB			

BH160822

26

TNB Genco ke Bursa Malaysia dua hingga tiga tahun lagi

Rancangan Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk menyenaraikan perniagaan penjanaan tenaganya, TNB Power Generation (TNB Genco) dijangka memakan masa sekurang-kurangnya dua hingga tiga tahun lagi.

Penganalisis RHB Research, Sean Lim, berkata rancangan korporat itu tidak mengesahkan selepas TNB melaksanakan penyusunan semula dalaman untuk membahagikan perniagaan terasnya kepada syarikat berlainan sejak 2019.

Beliau berkata, penyelarai berasingan akan membolehkan pelabur mempunyai pilihan memiliki pegangan saham dalam pelbagai perniagaan TNB yang berbeza.

"Kini, TNB mempunyai jumlah muatan terpasang kira-kira 24 gigawatt GW (45 peratus dalam arang batu, 34 peratus dalam gas dan 16 peratus dalam tenaga boleh diperbaharui atau RE).

"Ambil maklum bahawa TNB Genco tidak memiliki perniagaan antarabangsa yang mewakili kira-kira 5.1 GW atau 21 peratus daripada jumlah muatan terpasang.

"Campuran penjanaan kuasa di Malaysia Barat (termasuk pengeluar bebas kuasa elektrik atau IPP) masih dikuasai oleh arang batu (59 peratus) pada 2021, disusuli oleh gas (34 peratus) dan hidro (lima peratus).

"TNB Genco mencatatkan hasil RM19.5 bilion; pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) RM3.6 bilion (margin EBITDA 18.5 peratus) dan keuntungan bersih RM661 juta pada tahun kewangan 2021," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Jumaat lalu, Reuters melaporkan bahawa TNB ingin memulakan proses penyelarai bernilai AS\$1 bilion bagi TNB Genco yang mungkin dinilai sekitar AS\$4 bilion.

Hasil penawaran itu akan dimanfaatkan untuk mengembangkan portfolio RE TNB Genco.

Namun, TNB masih belum membuat sebarang keputusan yang jelas mengenai inisiatif berkenaan dan kini memfokuskan untuk menambah baik prestasi operasinya.

Lim berkata, TNB Genco perlu mempamerkan kes kukuh dalam perniagaan RE yang kian meningkat kerana sesetengah dana institusi serantau mungkin disekat daripada melabur dalam syarikat utiliti yang mempunyai pendanaan arang batu yang tinggi.

"TNB akan mengemukakan hari pelaburnya pada Selasa (hari ini) dan kami berharap supaya dapat memperoleh penjelasan lanjut mengenai hal ini daripada pihak pengurusan," katanya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSA Malaysia



KeTSA Malaysia



ketsa.malaysia